

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Jabatan Keselamatan
Sent: Monday, July 30, 2018 9:49 AM
To: UUM - All Staff
Subject: MAJLIS PERBARISAN TAHUNAN DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI DAN ANGGOTA JABATAN KESELAMATAN TAHUN 2018, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



Jabatan Keselamatan
SECURITY DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

30 JULAI 2018 / 17 ZULKAEDAH 1439H

MAJLIS PERBARISAN TAHUNAN DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI DAN ANGGOTA JABATAN KESELAMATAN TAHUN 2018, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



KESL ONLINE : Pada 19 Julai 2018 (Khamis) baru-baru ini seramai 34 orang yang terdiri daripada pegawai dan anggota Jabatan Keselamatan yang diketuai oleh Tuan Narawi bin Bakar buat pertama kalinya diraikan dalam Majlis perbarisan dan kenaikan pangkat yang diadakan oleh Jabatan.

Majlis tersebut di adakan di Padang Kawad PALAPES, Universiti Utara Malaysia. Seawal jam 8.00 pagi semua Pegawai Kanan Jabatan dan jemputan telah mengambil tempat. Majlis dimulakan dengan ketibaan Yang Berusaha Mejar Mohamad Ezanee bin Yazid, Pengarah Jabatan Keselamatan pada jam 8.30 pagi.

Aturcara diteruskan dengan pemeriksaan baris kawalan kehormatan yang terdiri daripada 4 pegawai kanan bersama 30 anggota oleh Pengarah Keselamatan. Sebelum itu, nyanyian

Lagu Negaraku, Biru Warna dan Polis Sedia Berkhidmat dinyanyikan dengan bersemangat bersama anggota perbarisan. Majlis dimulakan dengan upacara pemakaian pangkat oleh Yang Berusaha Pengarah dengan diiringi oleh ASP/PB Mohd Hanief Omar Zulkifli kepada semua penerima iaitu KP29 ke KP32, KP14 ke KP16, KP11 ke KP14 serta anggota Polis Bantuan daripada Konstabal ke Lans Koperol.

Sebaik tamat pemakaian pangkat, majlis diteruskan dengan bacaan ikrar yang diketuai oleh Tuan Narawi Bakar bersama penerima pangkat. Seterusnya Yang Berusaha Pengarah Keselamatan menyampaikan amanat beliau kepada semua pegawai dan anggota yang hadir. Antara amanatnya, beliau mahukan seluruh anggota Jabatan ini melakukan anjakan paradigma agar Jabatan dihormati sebagai institusi penguat kuasa yang disegani di UUM dan sekitarnya dengan menjadikan keselamatan harta benda Universiti dan warga kampus sebagai fokus utama. Beliau menekankan bahawa komunikasi yang berkesan di antara pegawai dan anggota perlu dipertingkatkan serta mengingatkan bagi mereka yang telah memilih kerjaya ini sebagai profesion, mereka sepatutnya telah bersedia untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh komitmen, akauntabiliti serta integriti yang tinggi.

Beliau juga menegaskan bahawa setiap pegawai dan anggota Jabatan Keselamatan perlulah melaksanakan tugas-tugas yang diamanah dengan jujur dan ikhlas dan seterusnya mewujudkan suasana kampus yang selamat serta dapat dirasai oleh semua warga kampus dan masyarakat setempat.

Majlis diakhiri dengan majlis ramah mesra di antara pegawai dan anggota Jabatan Keselamatan UUM.

"KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**PENGARAH
JABATAN KESELAMATAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**
Telefon : 04-928 3333 / 2416
Faks : 04-928 2424
E-Mel : security@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.